


WAWANJIAN

KONSEP DAN PELAKSANAAN

Buku ini membincangkan wasatiyyah dari aspek definisi, konsep, gagasan, keperluan dan aplikasi dalam kehidupan seharian khususnya dalam konteks masyarakat di Malaysia. Buku ini juga turut membincangkan konsep wasatiyyah dalam aspek teori dan pelaksanaan dalam kehidupan manusia khususnya dalam konteks negara Malaysia pada masa kini. Penulisan buku yang mengandungi himpunan 12 bab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian satu mengandungi lima bab di bawah tema wasatiyyah sebagai satu gagasan. Pada bahagian dua di bawah tema pelaksanaan wasatiyyah dalam masyarakat mengandungi tujuh bab.



Solahuddin Abdul Hamid dilahirkan di Kampung Batu Hampar Kanan, Pendang Kedah. Memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pendang, Kedah, Sekolah Menengah Agama al-Islah Pendang, Kedah serta Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah. Merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (dengan kepujian) dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah dan Sarjana Sastera (Psikologi Industri dan Organisasi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Seterusnya melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Islam di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Memulakan kerjaya dalam bidang akademik sebagai tutor pada 2006 dan sekarang merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

Aktif dalam bidang penulisan, membentang kertas kerja seminar dan aktiviti penyelidikan akademik dalam bidang Psikologi Islam, Pengurusan Pembangunan Islam dan Keusahawanan Islam. Selain itu, turut dilantik sebagai sidang pengarang jurnal, penilai artikel jurnal dan manuskrip. Buku terbaru tulisan beliau bertajuk "Transformasi Usahawan al-Falah: Satu Refleksi" diterbitkan oleh UniMAP Press hasil penulisan bersama dengan pensyarah UniMAP dan UUM. Hubungan Etik terbitan UUM Press hasil penulisan bersama dengan pensyarah-pensyarah SLCP UUM.

Antara anugerah yang pernah diterima adalah Anugerah Tesis Terbaik 2013 (Peringkat Ijazah Doktor Falsafah) Yayasan Nurul Yaqeen, Anugerah Kertas Kerja Terbaik (Kategori Pengurusan Perniagaan) Seminar on Islamic Quality Management i-QAM 2014, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan 2019 serta Anugerah Kecemerlangan Khas Universiti 2016.



UUM PRESS

Penerbit UUM

Universiti Utara Malaysia

ISBN 978-967-2363-19-4

03500




9 789672 363194

IASATIYYAH

KONSEP DAN PELAKSANAAN

EDITOR

SOLAHUDDIN ABDUL HAMID



Nasr Muhammad al-Samarqandiy. (1993). *Tafsir al-samarqandiy*;

Babr al-ulum. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Umar Ali al-Dimasyqi. (1998). *Al-habab fi ulum al-kiab*. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.

4 Semakan Semula Konseptualisasi Gagasan Wasatiyyah

Noor Hisham Md Nawi

Nur Azuki Yusuff

Pengenalan

Wasatiyyah ialah satu konsep yang dijunjung tinggi dan sangat dekat dengan firaq kejadian manusia (al-Zuhaily, 2005). Konsep wasatiyyah sentiasa relevan dengan kehidupan manusia tanpa mengira masa dan tempat. Aparah lagi dalam suasana dunia masyarakat kini, sikap melampau dan ekstrem dianggap tidak berramadun dan mundur. Menyedari kehebaran konsep wasatiyyah, banyak pihak cuba memanipulasi konsep tersebut untuk mencapai pelbagai matlamat dan kepentingan diri. Dengan sebab itu, terdapat pelbagai pengertian dan tafsiran tentang wasatiyyah. Ketidaksielasan ini menimbulkan satu polemik menarik untuk dikerengahkan bagi mencari hakikat makna wasatiyyah.

Salah Faham Konseptualisasi Gagasan Wasatiyyah

Menurut Sheikh Muhammad (1992), terdapat banyak salah faham tentang wasatiyyah disebabkan oleh kejahlan dan kepincangan persepsi ahli masyarakat dan persekitaran yang terherot. Perbezaan ini ada kaitan rapat dengan pendidikan yang diterima dan persekitaran kehidupan yang melatarinya. Sebagai contoh, individu yang terdidik dalam suasana penghayatan agama yang ketat akan melihat suatu kemungkaran yang dianggap kecil sebagai satu perbuatan dosa yang besar. Individu yang terdidik dalam suasana

sebaliknya pula akan beranggapan bahawa sesuatu kemungkinan kecil seharusnya tidak perlu dibesar-besarkan bahkan diranggepi secara terbuka sebagai hak kebebasan individu.

Kesalahan yang biasa dilakukan dalam memahami konsep wasatiyyah ialah tanggapan bahawa konsep tersebut sama dengan makna 50/50, iaitu satu keadaan pertengahan yang tidak terlalu baik dan tidak juga terlalu buruk (Aisha, 1996). Sebagai contoh, “wajahnya wasatiyyah sahaja” iaitu tidak terlalu cantik dan tidak juga terlalu buruk. Contoh lain, “kehidupan wasatiyyah ialah kehidupan yang tidaklah terlalu kaya dan tidak pula terlalu miskin”. Salah faham ini membawa kepada kesalahfahaman yang banyak dalam masyarakat umat Islam, antaranya:

1. Mencampuradukkan antara hal yang membawa dosa/maksiat dengan pahala/amal soleh. Sebagai contoh, wasatiyyah ialah seseorang Muslim yang pergi ke masjid dan dalam masa yang sama juga ke pusat hiburan, melakukan ibadah puasa dan juga mendedahkan aurat atau mengeluarkan zakat dan pada masa yang sama turut mengambil riba. Begitu juga dibolehkan siaran televisyen yang menyiarkan azan kemudian diikuti dengan persembahan nyanyian melalakan atau majlis tari-menari dimulakan dengan bacaan doa.
2. Mengikuti keseluruhan ajaran agama dianggap sebagai ‘ekstrem’, melampau dan salah. Bagi mereka, wasatiyyah bermaksud mengamalkan ajaran Islam serakat mana yang tidak bercanggah dengan adat resam atau budaya sesuatu bangsa. Contohnya, menolak adar persandingan (budaya Hinduisme) dianggap sebagai ekstrem, wanita berpurdah dikartakan melampau, isteri yang menraiti suami dianggap bodoh dan melulu, hidup cara sunnah digelar ortodoks, dan hidup secara zuhud dianggap *anti-establishment*.
3. Perubahan pengertian wasatiyyah kepada ‘kesederhanaan’, ‘sedang-sedang’ atau ‘cukup makan’ seperti dalam berusaha, pencapaian, berfikir, menuntut ilmu dan dalam ketenteraan kepada Tuhan. Wasatiyyah dikaitkan dengan sikap tidak komited atau separuh komited, juga pencapaian yang tidak

Ini ialah pengertian yang salah. Wasatiyyah ialah Muslim yang komited dan berpegang teguh dengan prinsip-prinsip agama dan tidak melampau atau ekstrem. Muslim yang sederhana dan Muslim yang ekstrem sangat berbeza dari sudut penunjaian sesuatu tanggungjawab, sikap dan tahap pengamalan Islam, kefahaman dan interpretasi ajaran agama, serta pendekatan hubungan kemanusiaan dalam mengajak orang lain kepada kebenaran. Kerap kali sikap ekstrem disalahgunakan untuk menggambarakan seseorang yang sangat komited dalam melaksanakan dan menaati ajaran-ajaran dasar Islam. Salah faham ini menatijahkan budaya dan amalan Islam yang keliru dan berkecambuk. Menurut Mohd Asri (2006), ramai masyarakat Islam di Malaysia sangat ketat dan tegas tentang halal dan haram dalam hal ehwal makanan dan minuman, namun kurang mengambil berat mengenai sumber yang digunakan untuk membeli makanan yang dimasukkan ke mulut ahli keluarganya. Mereka merasa jijik jika mengetahui bahawa makanan yang dihidangkan telah bercampur dengan daging babi tetapi ramai tidak berasa jijik menerima wang hasil daripada pihak yang menindas orang yang lemah atau daripada sumber rasuah.

Semakan Semula Konseptualisasi Gagasan Wasatiyyah

Semakan semula konseptualisasi gagasan wasatiyyah perlu kembali kepada pedoman wahyu, iaitu al-Quran dan al-Sunnah (al-Solabi, 2009). Sila tekuni ayat-ayat al-Quran berikut:

“Dan demikianlah (sebagaimana) Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adli, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”

“Berkaralah orang yang bersikap adil antara mereka: “Bukankah aku telah karakan kepada kamu (semasa kamu hendak menghampakan orang fakir miskin daripada habuannya): amadah elok kiranya kamu mengingari Allah (serta membaralkan rancangan kamu yang jahat itu)?”

(*Surah al-Qalam* 68:28)

“Dan kalau mereka bersungguh-sungguh menegakkan (menjalankan perintah-perintah Allah dalam) Taurat dan Injil dan apa yang diturunkan kepada mereka daripada Tuhan mereka (Al-Quran), nescaya mereka akan makan (yang mewah) dari aras mereka (langit) dan dari bawah kaki mereka (bumi). Antara mereka ada sepuak yang adil, dan kebanyakan daripada mereka, buruk keji amal perbuatannya.”

(*Surah al-Maidah* 5:66)

“Dan (orang yang tidak bersifat demikian) apabila mereka dirempuh serta diliputi oleh ombak yang besar seperti kelompok awan menyekup, pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhhlaskan kepercayaan mereka kepada-Nya semata-mata. Kemudian bila sahaja Allah menyelamatkan mereka ke darat maka sebahagian sahaja di antara mereka yang bersikap adil (lahu bersyukur kepada Allah serta mengesakan-Nya). Dan sememangnya tiada yang mengingari bukti-bukti kemurahan Kami, melainkan tiap-tiap orang yang bersifat pemungkir janji, lagi amat tidak mengenang budi.”

(*Surah Luqman* 31:32)

“Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang

baras dan tiada bakhil kedekur; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

(*Surah al-Furqan* 25:67)

“Dan tunutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari Akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.”

(*Surah al-Qasas* 28: 77)

Juga perhatikan hadis berikut:

“Ada satu perkara antara dua perkara iaitu sebaik-baik perkara adalah yang di tengah-tengah.”

(*Riwayat Baihaqi*)

“Sebaik-baik perkara adalah yang di tengah-tengah.”

(*Riwayat Baihaqi*)

“Sebaik-baik pekerjaan adalah pertengahan.”

(*Riwayat al-Dailami*)

Berdasarkan pedoman wahyu, terdapat dua istilah yang paling

wasatiyyah (daripada perkataan *wasata*) dan *al-iqtsad* (daripada perkataan *qasada*). Di samping itu, al-Quran juga menggunakan beberapa istilah atau frasa lain yang juga membawa pengertian pertengahan seperti frasa (*لا إله إلا الله*) (*Surah al-Furqan* 25:67) dengan makna sederhana berbelanja iaitu tidak boros dan tidak bakhil dan frasa (*بين يدي*) (*Surah al-Isra* 17:110) dengan maksud suara bacaan yang sederhana dalam doa dan solat iaitu tidak terlalu kuat dan tidak pula terlalu perlahan. Terdapat juga nas al-Quran yang tidak menggunakan istilah atau frasa tertentu tetapi pengertian keseluruhan ayat membawa maksud pertengahan dan wasatiyyah. Sebagai contoh, ayat 77 daripada surah *al-Qasas* menggambarkan konsep wasatiyyah sistem hidup Ilahi, dalam maksud manusia dituntut supaya mengejar kebahagiaan hidup di akhirat tetapi pada masa yang sama jangan meninggalkan terus kehidupan dunia (Sheikh Muhammad, 1992).

Kaedah Memahami Konsep Wasatiyyah

Menurut PERGAS (2004), terdapat dua kaedah yang digunakan bagi memahami makna wasatiyyah. Pertama, menggunakan jalan tengah antara berlebihan dengan meringan-tingankan dalam pengamalan, atau pertengahan antara sesuatu yang melampaui batas dan meremehkan. Maksud hadis Nabi Muhammad ﷺ di bawah berpepatan dengan kaedah ini, iaitu:

“Tidak sia-sia orang yang beristikhrah untuk memilih mana yang terbaik, dan tidak akan rugi orang yang selalu bermusyawarah serta tidak akan miskin orang yang sederhana (cermat).”

(*Riwayat Thabrani*)

Dengan cara lain, boleh difahami sebagai sesuatu yang berada antara dua nilai yang bertentangan atau dua hujung yang keterlaluan. Menurut al-Qaradawi (2011), wasatiyyah tidak *ifrat* (melampau) dan tidak *kafir* (cuai), pertengahan antara dua keadaan atau pihak. Setiap perkara diletakkan pada tempatnya

Kedua, wasatiyyah akan menyebabkan semua perkara dan pihak ditunaikan haknya dan tiada satu pun diabaikan.

Kedua, wasatiyyah (sederhana/pertengahan) difahami dengan perkataan yang menjadi lawannya (melampau/ekstrem). Menurut al-Qaradawi (1996), sikap ekstrem bererti suatu posisi yang paling jauh sama ada dalam agama, pemikiran ataupun perilaku. Banyak nas al-Quran dan hadis yang memerintahkan umat Islam untuk mengamalkan sikap sederhana dan menolak semua bentuk sikap ekstrem, *ghuluw* (berlebihan) dan *nashid* (memperulit dan fanatik). Sabda Nabi ﷺ yang bermaksud:

“Waspadalah terhadap sikap berlebih-lebihan (orang) sebelum kamu telah binasa kerana sikap berlebih-lebihan (semacam itu).”

Al-Qaradawi (2011) menegaskan bahawa Islam bersifat wasatiyyah dalam semua perkara yang dijadikan sebagai ciri keistimewaan asasi bagi umatnya. Untuk menikmati keindahannya, kita harus meneliti konsep tersebut dalam semua aspek melibatkan pelbagai bidang, dimensi, sudut dan bentuk.

Pengukiran Konseptualisasi Wasatiyyah

Berdasarkan kefahaman sebelum ini, wasatiyyah ialah satu posisi terbaik antara dua keadaan melampau sama ada bersifat *kafir* (cuai/bermuda-mudahan) atau *ifrat* (berlebih-lebihan/melampau). Wasatiyyah juga bermaksud posisi terbaik dalam bentuk keseimbangan antara dua atau lebih perkara atau keadaan yang berbeza. Keadaan ini penting bagi mencapai keadilan (melecrakan sesuatu di tempat paling sesuai dan layak), hakikat makna dan posisi paling dekat dengan kerakwaan. Bagi menjadikannya lebih kukuh, wasatiyyah dibahagikan kepada dua kategori iaitu ‘wasatiyyah dalam’ dan ‘wasatiyyah antara’ (Noor Hisyam, 2013).

‘Wasatiyyah dalam’ merujuk posisi terbaik antara dua atau lebih perkara dalam satu-satu aspek atau bidang. Perbincangan lanjut mengenai ‘wasatiyyah dalam’ akan dilihat daripada dua kategori utama iaitu aspek keagamaan dan aspek kehidupan.

dalam aspek akidah, tasawwuf, syariat, peribadatan, akhlak, muamalah, jihad dan dakwah. Contoh wasatiyyah dalam kategori kehidupan pula ialah pemikiran, politik, ekonomi dan sosial. 'Wasatiyyah antara' pula merujuk posisi terbaik antara dua keadaan tertentu secara khusus. Dengan meneliti setiap kes mengikut konteks masing-masing selepas ini, kefahaman sebenar konsep wasatiyyah akan lebih kukuh dan menyeluruh.

Konsep Wasatiyyah dalam Aspek Keagamaan

Konsep wasatiyyah dalam aspek agama sangat indah. Islam sesungguhnya adalah *manhaj* pertengahan dalam setiap perkara sama ada pada tasawwuf, *i'tiqad*, syariah, peribadatan, akhlak, syiar, tingkah laku, muamalah, perundangan, jihad dan dakwah. Sebagai contoh, perhatikan konsep wasatiyyah dalam aspek akidah dalam bentuk pencarian, pengenalan dan kepercayaan kepada Tuhan. Islam menganjurkan gagasan wasatiyyah dalam usaha untuk mempelajari dan meyakini akidah (Zulkifli & Mohd Azam, 2012). Ini dapat dilihat dengan jelas dengan memerhatikan hujah-hujah berikut:

1. Umar Islam diminta mengkaji kejadian dan seluruh makhluk ciptaan Allah SWT. Ini adalah kerana, kajian yang adil dan jujur serta dengan fikiran yang terbuka akhirnya mendarangkan natijah keimanan kepada Tuhan.
2. Walau bagaimanapun, Islam melarang umatnya untuk memikirkan zat Allah SWT kerana ia berada di luar kemampuan manusia. Zat Allah SWT sesungguhnya tidak dapat dicapai dengan ukuran fikiran manusia sama ada menggunakan logik, perbandingan (analogi), definisi, mencari kriteria atau piawai tertentu. Ibn Abbas meriwayatkan hadis Nabi ﷺ yang maksud:

“Berkirlah kamu pada kejadian/ciptaan makhluk Allah SWT dan janganlah kamu berfikir tentang zat Allah SWT.”

3. Sikap ingin memikirkan dan mengkaji zat Tuhan dengan ukuran duniawi atau manusiawi ialah satu bentuk pelampauan. Sebaliknya, mengkaji kejadian alam dan segala ciptaan Allah SWT akan menemui banyak rahsia tersembunyi sama ada di daratan, lautan, perut bumi mahupun di angkasa raya dan seterusnya mencapai hakikat kewujudan penciptanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi dan pertukaran malam dan siang menjadi tanda bagi orang yang berakal.”

(Surah 'Ali Imran 3:190)

Perkara yang sama ditegaskan oleh al-Qaradawi (2011) bahawa Islam mengambil jalan tengah dan sederhana dalam menamakan keyakinan dan keimanan kepada Allah SWT, tidak dengan hanya penjojolan fizikal dan bukti-bukti empirikal sahaja dan tidak pula hanya dengan unsur-unsur kerohanian maknawi secara abstrak semata-mata sehingga sukar untuk manusia memerhati dan memahaminya. Islam mengajak penganutnya berfikir menggunakan akal yang sihat dan juga menerima pedoman wahyu untuk mencari kebenaran tentang kewujudan Tuhan. Walau bagaimanapun, Islam juga meletakkan batasan yang jelas supaya manusia tidak melampauinya kerana ketidakupayaannya untuk mencapai hakikat sesetengah perkara seperti pengetahuan zat Allah SWT.

Konsep Wasatiyyah dalam Aspek Kehidupan

Di sini, penulis memilih contoh konsep wasatiyyah dalam aspek kehidupan dengan memfokuskan aspek politik. Mencari wasatiyyah dalam aspek politik amat sukar walaupun pelampauan banyak dikaitkan dengan aspek politik. Pelampauan politik sering dikaitkan dengan sikap fanatik terhadap ideologi atau parti atau sistem pemerintahan yang bersifat autokratik dengan tidak

atau persepsi pihak luar seperti masyarakat bukan Islam pada peringkat antarabangsa dan tempatan serta masyarakat Islam yang gagal memahami Islam dengan baik memberikan sumbangan besar dalam membentuk makna dan konsep wasatiyyah yang salah dalam aspek politik. Sebagai contoh, kesederhanaan berpolitik dalam Islam dikaitkan dengan faham sekular, menolak gagasan negara Islam kerana memahaminya sebagai negara teokratik, menolak hudud dan jihad serta memperkenalkan konsep Islam politik (PERGAS, 2004). Untuk mengelakkan kekeliruan, perbincangan rajuk ini akan mengemukakan premis atau prinsip Islam yang jelas dalam aspek politik untuk dijadikan kerangka makna kepada pengertian wasatiyyah itu sendiri. Premis-premis asas yang dikemukakan berdasarkan pandangan daripada golongan aliran sederhana iaitu reformisme yang terkenal dengan gelaran aliran wasatiyyah (Khairuddin, 2012). Premis tersebut sebagaimana berikut:

1. Islam ialah satu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh (syumul) termasuklah dalamnya urusan pemerintahan dan pentadbiran negara. Oleh sebab itu, Islam tidak menerima pemisahan antara mana-mana aspek kehidupan daripada bimbingan agama seperti pemisahan Islam daripada politik atau politik daripada Islam.
2. Sebagai satu sistem hidup yang lengkap dan menyeluruh, Islam menuntut perubahan sebuah negara yang dapat melaksanakan sepenuhnya ajaran Islam (negara Islam).
3. Islam menolak sepenuhnya konsep sekularisme dalam apa jua bentuk sama ada yang bersifat radikal atau sederhana yang memisahkan peranan agama dalam bidang kemasyarakatan dan kenegaraan serta mengabdikan Islam hanya pada aspek peribadi atau rumah ibadat sahaja.

4. Dalam usaha untuk mengagakkan sistem pemerintahan Islam, Islam mengiktiraf konsep dakwah dan jihad tetapi menolak konsep ekstremisme (pelampauian) dan keganasan yang mencabul prinsip keadilan dan undang-undang sejagat atau pencabulan hak asasi manusia (menurut perspektif Islam) seperti mengorbankan nyawa manusia yang tidak

Berdasarkan premis tersebut, setiap individu Muslim berkewajipan untuk mengagakkan negara Islam sebagai sebahagian daripada tuntutan ajaran agama. Paling minimum, setiap individu Muslim wajib memiliki aspirasi terhadap pembentukan negara Islam. Oleh sebab itu, dakwaan pihak tertentu yang mengaitkan aspirasi dan gagasan negara Islam dengan sikap pelampauian ditolak sekeras-kerasnya (PERGAS, 2004). Diakui bahawa ulama berbeza pendapat dalam beberapa perkara tentang konsep negara Islam dan kaedah pembentukannya. Namun begitu, umat Islam dituntut untuk merealisasikan dengan cara yang paling bertukmah dan bijaksana. Pendekatan utama adalah melalui kaedah dakwah secara aman dan jihad. Pengertian jihad dalam Islam perlu difahami dalam konteks yang luas meliputi aspek ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Jihad dalam bentuk peperangan hanya digunakan untuk mempertahankan diri dan negara dalam usaha mengagakkan keadilan dan membanteras kezaliman.

Negara Islam bukan negara autokratik dan bukan negara teokrasi sebagaimana yang difahami oleh pihak Barat. Negara Islam ialah kerajaan awam yang ditegakkan atas dasar pemilihan, *bai'at* dan syura. Cabaran terbesar umat Islam dalam konteks mencari wasatiyyah dalam aspek politik ialah sekularisme dan faham ekstremisme (Islam radikal). Aliran sederhana yang dipimpin al-Qaradawi secara jelas dan tegas menolak faham dan konsep sekularisme dalam segala bentuk dan tahap (Ishom, 2001). Islam tidak menerima parti politik sekular dan pandangan alam sekular dalam merealisasikan cita-cita politik Islam. Ringkasnya, tiada istilah sekularisme Islam atau Islam sekular. Islam juga menolak konsep Islam yang radikal yang ingin melakukan perubahan dengan cepat dan mendadak kerana menjadi sifat Islam untuk sentiasa melalui jalan yang *tadarruji* (bertahap-tahap) dalam melakukan perubahan dan pengislahan. Inilah aliran wasatiyyah dalam aspek politik yang dianjurkan oleh Islam. Sebagai kesimpulan, wasatiyyah dalam aspek politik bermaksud berpegang teguh kepada prinsip Islam sebagai *al-Din*, sentiasa berusaha sedaya upaya untuk menegakkan Islam dalam diri dan negara, bersifat realistik dengan mengambil kira persekitaran yang ada demi mencapai kebebasan, keadilan dan

Konsep 'Wasatiyyah Antara' Dua Keadaan Secara Khusus

Konsep 'wasatiyyah antara' merujuk posisi terbaik antara dua keadaan tertentu secara khusus. Contoh 'wasatiyyah antara' ialah wasatiyyah antara menjadi hamba dan khalifah, menggunakan wahyu dan akal, tuntutan fardu ain dan fardu kifayah, sunnatullah dan syariatullah, zikir dan fikir, individu dan masyarakat, warisan dan kemodenan, pemikiran kritis dan kreatif, berilmu dan beramal, berfikir dan bertindak, jasad dan rohani serta dunia dan akhirat. Konsep atau warna wasatiyyah bagi setiap aspek tersebut tidak sama dan tersendiri. Dikemukakan penghuraian ringkas salah satu dari aspek tersebut sebagai contoh iaitu wasatiyyah antara *sumnatullah* dan *syariatullah*. Hukum Allah SWT terbahagi kepada dua iaitu *sumnatullah* dan *syariatullah*. Hukum pertama direka bentuk secara khusus untuk mengatur perjalanan makhluk Tuhan sehingga semuanya berjalan dengan rapi dan tersusun yang dinamakan sebagai *sumnatullah*. Hukum kedua pula dirurunkan melalui wahyu untuk mengatur dan membimbing cara seharusnya manusia hidup di muka bumi ini supaya tidak berentangan dengan tujuan sebenar penciptaannya yang disebut dengan *syariatullah* (Siddiq, 2012). *Sumnatullah* ialah peraturan atau hukum alam atau ketentuan Tuhan untuk alam semesta sama ada yang beryaywa seperti binatang atau tumbuhan mahupun yang tidak beryaywa seperti batu dan kayu. *Sumnatullah* telah disempurnakan manualnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Maka engkau tidak sekali-kali akan mendapati sebarang perubahan bagi Sunnatullah dan engkau tidak sekali-kali akan mendapati sebarang penukaran bagi perjalanan *sumnatullah* itu."

(*Surah al-Fatihir* 35:43)

Bermula daripada sel yang paling kecil seperti atom sehingga kepada alam cakerawala yang terbentang luas seperti kejadian siang dan malam dan lain-lain. Hukum ini Allah SWT

ditinggalkan persoalan untuk dikaji manusia. *Syariatullah* pula ialah hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui Nabi Muhammad ﷺ seperti hukum yang lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Untuk mencapai kehidupan yang bahagia, seorang Muslim seharusnya memahami konsep sunnatullah dengan tepat. Memahami dan menyusun kehidupan agar selari dengan *sumnatullah* ialah syarat kejayaan utama di dunia ini. Setiap sesuatu diciptakan dengan sebab tertentu yang tergabung dalamnya satu sistem yang saling berkait antara satu sama lain. Manusia boleh memanfaatkan semua ciptaan Allah SWT sama ada di langit atau di bumi jika mereka memahami *sumnatullah* atau undang-undang *tabii* pada ciptaan tersebut. Penemuan sains dan teknologi ialah pemahaman manusia terhadap *sumnatullah* pada alam. Hidup di dunia tidak cukup hanya dengan mematuhi *sumnatullah* tetapi harus juga patuh kepada *syariatullah*. Keparuhan kepada *syariatullah* bermaksud mentaati sepenuhnya semua ajaran Islam atau hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Secara ringkasnya, setiap Muslim mestilah mematuhi segala arahan dan larangan Allah SWT untuk mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Arahan dan larangan tersebut boleh diringkaskan kepada lima jenis iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram yang tersusun dalam tiga komponen yang saling berkaitan iaitu aspek akidah, syariah dan akhlak. Realiti masa kini menunjukkan bahawa kebanyakan umat Islam tidak mematuhi kedua-dua sistem tersebut secara seimbang dan sepadu. Sebahagiannya terlalu mematuhi hukum *sumnatullah* sehingga mengabaikan *syariatullah* dan ada juga yang sebaliknya. Kecemlerangan dalam Islam bermaksud kembali semula kepada fitrah kesungguhan dalam melaksanakan tuntutan *syariatullah* dan *sumnatullah* secara seimbang, wasatiyyah dan bersepadu.

Contoh mengenai kesepaduan *sumnatullah* dan *syariatullah* ialah kisah kejayaan Sultan Muhammad al-Fatih dan tenteranya yang menawan kembali Kora Kostantinople. Kejayaan tersebut dicapai kerana Baginda Sultan mematuhi kedua-dua sistem *sumnatullah* dan *syariatullah*. Dari konteks syariatullah, pembebasan Kora Konstantinople ini telah dijanjikan oleh Allah SWT dan

“Sungguhnya Kōstantinople itu pasti akan dibuka. Sebaik-baik ketua ialah ketuanya, dan sebaik-baik tentera ialah tenteranya”

(*Riwayat Ahmad*)

Mendengar hadis tersebut para sahabat berlumba-lumba untuk menakluki kota Kōstantinople. Beberapa siri peperangan telah dilakukan. Walau bagaimanapun, kesemua serangan yang dilancarkan menemui kegagalan. Antara siri serangan tersebut ialah lima serangan pada zaman Kerajaan Umayyiah, satu serangan pada zaman Kerajaan Abbasiyah dan dua serangan pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Hadis Nabi ﷺ ini direalisasikan selepas hampir 800 tahun kemudiannya oleh Sultan Muhammad al-Fatih, khalifah ke-7 Kerajaan Uthmaniyyah. Rahsia kemenangan tersebut adalah kerana Sultan Muhammad al-Fatih dan tenteranya benar-benar menyepadukan aspek *sunatullah* (strategi dan kelengkapan perang) dan aspek *syariatullah* (Baginda dan pengikutnya terkenal dengan kekuatan iman, warak dan rajin beribadat malam) (Noor Hisham, 2013). Sultan al-Fatih ialah seorang manusia biasa yang berusaha secara luar biasa. Dengan melaksanakan prinsip *syariatullah* dan *sunatullah*, Baginda telah berjaya menjadi pemimpin terbaik sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis Rasulullah ﷺ.

Perbincangan

Wasatiyyah ialah salah satu ciri Islam yang sangat istimewa. Wasatiyyah ialah satu aspek yang sangat dekat dengan fitrah kehidupan manusia yang menolak semua bentuk pelampauan. Konsep wasatiyyah dalam Islam sangat indah dan unik. Wasatiyyah ialah jalan atau manhaj yang lurus dan rahmat Allah SWT kepada manusia dan juga nasihat terbaik bagi umat manusia. Konsep wasatiyyah dalam Islam boleh dilihat dari pelbagai aspek dan pelbagai urusan kehidupan manusia sama ada dalam hal ehwal keagamaan seperti akidah, ibadah, muamalah, akhlak, dakwah dan lain-lain mahupun dalam aspek kehidupan manusia secara

dimensi sosial, politik dan ekonomi. Menurut Kamal (2011), untuk menikmati keindahan wasatiyyah, kita harus meneliti konsep tersebut dalam semua aspek melibatkan pelbagai bidang, dimensi, sudut pandang dan bentuk yang sangat rencam.

Walaupun bentuk wasatiyyah kelihatan sangat rencam jika ditinjau dalam pelbagai aspek. Neraca pertimbangannya bukanlah secara semborono atau sesuatu yang terlalu subjektif untuk difahami oleh akal manusia. Meskipun Islam mengiktiraf peranan akal, tradisi tempatan, amalan yang diguna pakai atau realiti semasa dalam mencari dan menentukan daerah atau persempadanan wasatiyyah tetapi kesemuanya haruslah tidak terkeluar dari orbit panduan al-Quran dan al-Sunnah. Al-Qaradawi (2011) menegaskan bahawa prinsip wasatiyyah dalam Islam mesti mengambil keseluruhan ajaran Islam; bukannya secara sebahagian atau secara bertolak-tolak. Dalam erti kata lain, hanya dengan mengamalkan keseluruhan ajaran Islam yang sah dan bersungguh-sungguh, seseorang akan mampu mengecapi keindahan wasatiyyah hidup yang sebenar dalam Islam. Sebaliknya pelampauan akan berlaku sekiranya seseorang Muslim meninggalkan kewajipan agama atau melakukan larangan agama dan apatah lagi jika melakukan kedua-dua kesalahan tersebut sekali gus. Wasatiyyah dalam Islam tidak akan dapat dicapai selama-lamanya jika seseorang itu meninggalkan ajaran Islam yang asas atau melaktukan suatu larangan atau kemungkaran besar yang telah *thabit* secara *qat'ie* seperti meninggalkan solar atau bezina atau memakan riba. Oleh hal yang demikian, wasatiyyah dalam Islam tidak seharusnya dilihat dalam konteks kehidupan duniawi secara sempit atau dalam konteks tertentu secara terpilih tetapi seharusnya melibatkan keseluruhan gaya dan sistem kehidupan yang bersangkutan dengan kehidupan di akhirat.

Wasatiyyah dalam Islam mengambil kira semua elemen yang selari dengan kejadian dan tabiat hidup manusia serta sifat kemanusiaan itu sendiri. Apabila kesemua tuntutan itu disempurnakan mengikut kadarnya yang sesuai, maka akan lahirlah wasatiyyah. Wasatiyyah yang dianjurkan oleh Islam ialah keseimbangan dan jalan pertengahan dengan memberikan setiap

Habib Umar Muhammad Hafidz, 2010). Tidak tepat jika konsep wasatiyyah hanya difokuskan kepada aspek bentuk, wasilah atau jalan semata-mata. Wasatiyyah dalam Islam melambatkan niat, objektif, proses dan natijah; bukannya sekadar tertumpu pada wasilah atau alat atau kaedah semata. Menurut Hamka (1995), wasatiyyah dalam bentuk dan kefahaman inilah yang dikatakan hasil terbaik yang dicancang-cancang sebagai *ummatah wasatatah* iaitu umat yang adil lagi pertengahan. Hal ini juga bermakna meletakkan sesuatu pada tempatnya yang paling layak dan wajar. Wasatiyyah inilah kemajuan dan pemodenan yang mengislahkan dan bukan memusnahkan. Kini konsep wasatiyyah menjadi sangat penting bagi menghadapi krisis kemanusiaan yang parah. Umat Islam pada hari ini memerlukan satu kefahaman yang mantap dan menyeluruh mengenai konsep wasatiyyah atau kesatuan makna wasatiyyah bagi menangani cabaran semasa dan masa hadapan yang amat hebat. Wasatiyyah ialah kunci yang diperlukan untuk membina hubungan yang tepat antara sesama Muslim dan juga antara Muslim dengan bukan Muslim (Kamal, 2011). Banyak masalah manusia kini disebabkan oleh tiadanya kefahaman dan sikap yang tepat terhadap makna wasatiyyah yang akhirnya menjejaskan kefahaman dan amalan yang melampau dalam kehidupan mereka.

Rumusan

Secara mudah, wasatiyyah ialah suatu posisi terbaik antara dua keadaan yang melampau sama ada bersifat *tafrit* (cuai atau bermudah-mudahan) atau *ifat* (berlebih-lebihan atau melampau). Gagasan wasatiyyah yang dimaksudkan ialah posisi terbaik antara dua atau lebih keadaan yang berbeza dan melampau. Keadaan atau daerah wasatiyyah tersebut sangat penting untuk mencapai makna keadilan dalam erti kata meletakkan sesuatu di tempatnya yang paling sesuai dan layak. Keadaan tersebut juga turut diiringi dengan ciri-ciri lain dalam situasi tertentu seperti keseimbangan, keharmonian dan kesepaduan. Gabungan ciri tersebut akhirnya

posisi yang paling dekat dengan kerakwaan. Sebagaimana yang dinyatakan warna wasatiyyah itu berubah-ubah mengikut aspek, masa, tempat dan keadaan. Namun, tidaklah bermakna bahawa prinsip wasatiyyah itu longgar dan kabur atau bersifat pragmatik. Aliran pertengahan dan wasatiyyah itu sebenarnya sentiasa berlegar-legar dalam kerangka peraturan syariah yang ditetapkan Tuhan.

Untuk mendapatkan pengertian makna dan konsep wasatiyyah yang tepat menurut perspektif Islam, semua perbahasan seharusnya berpandukan sistem dan petunjuk syariah ataupun berdasarkan pandangan alam Islam (*ru'yat al-Islam bilnujūd*); bukannya bergantung kepada intuisi dan akal pemikiran semata-mata. Oleh hal yang demikian, konsep dan gagasan wasatiyyah ialah suatu pencapaian yang tinggi, berada dalam suatu posisi terbaik antara dua atau lebih keadaan yang melampau sama ada bersifat *tafrit* atau *ifat*. Gagasan wasatiyyah juga terangkum dalamnya gabungan pelbagai kata kunci lain untuk membina makna wasatiyyah yang tepat berdasarkan konteks masing-masing. Konsep wasatiyyah dalam Islam pada satu-satu aspek dan keadaan tertentu ialah satu sudut yang terindah, amat mendamaikan, menepati firah kejadian manusia yang harmoni, seiringan dengan keadilan, mendukung kebenaran dan kerakwaan serta paling cemerlang dan gemilang. Wasatiyyah titik ketenangan dan kebahagiaan yang dicari-cari oleh manusia, namun tidak ramai yang berjaya menemui dan merasai kemanisannya. Oleh sebab itu, kefahaman konsep dan gagasan wasatiyyah yang dianjurkan oleh Islam ialah kecemerlangan dan sebaik-baik kedudukan sesuai dengan gelaran yang dianugerahkan al-Quran sebagai "*Ummatan Wasatatan*".

Rujukan

- Aisha Lemnu. (1996). *Sikap ekstrem: Penyakit dakuwah*. Selangor: ABIM.
- Habib Umar Muhammad Hafidz, al-. (2010). *Agama moderat: Menghidupkan kembali bakikat ajaran Islam*. (Terj.) Ahmad